

# Pemain muda patut diberi peluang

BERITA HARIAN 3/4/18 M/S 95

**Kuala Lumpur:** Jika aksi ber-temu Lubnan dianggap sebagai uji bakat untuk melihat kemampuan pemain generasi baharu, maka kelompok itu sudah membuktikan mereka bersedia untuk beraksi pada peringkat lebih tinggi.

Justeru Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi UiTM Shah Alam, Mohd Sadek Mustaffa mengharapkan supaya generasi baharu yang rata-ratanya pemain muda supaya terus diberi peluang untuk beraksi sekali gus mematangkan corak permainan mereka.

Malah polisi 70-30 membabitkan 70 peratus pemain muda dan 30 peratus pemain berpengalaman seperti yang dicadangkan olehnya sebelum ini nyata mampu membuatkan hasil sekiranya ia 'diadun' dengan baik menerusi pemilihan pemain yang tepat.

"Boleh dikatakan Tan Cheng Hoe membuat eksperimen pada aksi menentang Lubnan dan walaupun tewas, kita dapat



Mohd Sadek Mustaffa

menyaksikan beberapa perubahan yang diturunkan pemain berbanding beberapa perlawanan sebelum ini.

"Oleh itu, mereka tidak boleh berhenti setakat di sini dan mereka seharusnya terus diberi kepercayaan untuk beraksi. Semangat mereka yang berkobar-kobar akan membuatkan mereka memberikan yang terbaik demi pasukan negara."

## Lubnan bergelut untuk tembus

"Pujian juga harus diberikan kepada Cheng Hoe dengan eksperimen 'berani' ini. Meskipun tidak menggunakan pemain terbaiknya namun beliau tahu untuk bekerja dengan sumber yang dimiliki. Ia dibuktikan menerusi persembahan yang ditunjukkan pemain di tengah padang.

"Bagaimanapun, kita tidak boleh terlalu selesa dengan situasi sebegini. Pada pandangan saya, Cheng Hoe perlu berani meneruskan polisi 70-30 dengan

membawa masuk lebih ramai pemain beraksi pada peringkat lebih tinggi supaya mereka sentiasa bersedia untuk bersama skuad kebangsaan," katanya ketika dihubungi semalam.

Terdahulu, pada aksi terakhir Kumpulan B Kelayakan Piala Asia 2019 di Beirut malam kelmarin, Malaysia yang ditarik 'skuad kedua' nyaris menyentap ego pendahulu Kumpulan B, Lubnan sebelum tewas 1-2 menerusi jaringan minit akhir perlawanan.

Meskipun tewas, namun anak buah Cheng Hoe boleh mendabik dada kerana memperagakan corak permainan menyerang yang rancak dan kerap mencemaskan pertahanan lawan menerusi beberapa gerakan serangan.

Malah benteng pertahanan negara yang ditarik pemain kurang berpengalaman juga wajar dipuji kerana sering mengekang asakan jentera serangan Lubnan yang dilihat bergelut untuk memecah masuk ke dalam kawasan penalti.